

19/10/1998

Projek luar bandar tidak terjejas

MARANG, Ahad - Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) yakin peruntukan pembangunan untuk kementerian itu melaksanakan projek luar bandar tidak terjejas ketika pengumuman belanjawan negara bagi tahun depan yang akan dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Jumaat depan.

Sambil menjangka akan mendapat tambahan dalam peruntukan, Menteri, Datuk Annuar Musa, berkata projek pembangunan luar bandar perlu diteruskan bagi membantu penduduk di pedalaman keluar daripada paras kemiskinan.

"Dr Mahathir selaku Menteri Kewangan Pertama sudah beberapa kali menegaskan kerajaan tidak akan mengurangkan, malah bersedia menambah peruntukan bagi membantu penduduk di luar bandar," katanya pada majlis perasmian di Kampung Haji Mat Zain, di sini, petang, semalam.

Bagaimanapun, beliau sukar menjangkakan jumlah peruntukan tambahan yang akan diberikan kepada kementeriannya.

"Tunggulah pengumuman yang akan dilakukan Dr Mahathir ketika pembentangan laporan perbelanjaan di Dewan Rakyat, nanti," katanya.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan, IKS, Belia, Sukan dan Tugas-tugas Khas, Othman Daud, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Sains, Teknologi, Sumber Manusia dan Pengajian Tinggi, Datuk Dr Abdul Latif Awang hadir sama pada majlis itu.

Annuar yang juga Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, berkata agenda pembangunan penduduk di luar bandar akan tetap diberi perhatian kerajaan walaupun negara masih dibelenggu masalah ekonomi.

(END)